

KOMPETENSI GURU PELATIH DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU DALAM MELAKSANAKAN LATIHAN MENGAJAR

**Ab.Hamid Ali (PhD), Abdullah Yusoff (PhD),
Muhammad Ridzuan Idris (PhD) & Abd. Aziz Zaki Razali**
Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan

***Mohd Nazri Abdul Rahman (PhD)**
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
mohdnazri_ar@um.edu.my

ABSTRACT

Teaching Professionalism Practices in teacher education training refers to following aspects: School-Based Experience, Teaching Practices and Internship. Student teachers' abilities to master and apply the professional practices are the key element in developing current teacher training curriculum. Thus, this study aims to identify the level of students teachers' competencies in doing their practicum that based on the training curriculum of the Institute of Teacher Education Malaysia. Data from supervision documents that were owned by 274 students of Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan were collected and analyzed using document analysis. The findings showed that student teachers' planning, implementation, reflection and attitude, and personality that have been listed on the evaluation form namely, PR2 and PR3, matched with the requirements of practicum practices by the Institute of Teacher Education, Malaysia.

Keywords: *Competency, Student Teachers, Institute Of Teacher Education.*

PENGENALAN

Kompetensi guru pelatih merupakan elemen penting dan strategik dalam latihan keguruan sebelum mereka bergelas guru sebenar di sekolah. Guru pelatih merupakan komponen utama dalam melestari dan mencipta proses dan hasil pendidikan yang berkualiti. Maka, bagi menjamin kompetensi guru pelatih, kursus Amalan Profesional Guru, merupakan kursus teras bagi pelajar (guru pelatih) yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Amalan Profesional Guru merangkumi tiga aspek utama yang perlu dilalui oleh pelajar iaitu amalan berkaitan dengan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), Praktikum dan *Internship* (IPGM, 2014). Melalui amalan Profesional membolehkan pelajar menguasai dan mengamalkan segala konsep, prinsip, teori, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk menjadi seseorang insan guru yang profesional dan memiliki sahsiah guru yang unggul. Amalan Profesional membantu meningkatkan perkembangan potensi guru pelatih supaya mereka mempunyai daya tahan diri dalam menghadapi pelbagai cabaran di sekolah. Kegagalan guru pelatih menguasai dan menghayati konsep, prinsip, teori, kemahiran dan nilai yang dipelajari didalam kelas untuk diaplikasikan dalam situasi sebenar dalam bilik darjah akan memberi implikasi besar terhadap kualiti guru yang dihasilkan.

Sebagai seorang guru pelatih, kualiti pengajaran dan pembelajaran sebenar adalah terletak kepada kemampuan mereka. Justeru kayu ukur terhadap kejayaan proses dari hasil pendidikan yang berkualiti sebahagiannya perlu dinilai melalui amalan praktikum. Dalam hal ini pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menaruh harapan tinggi supaya guru pelatih sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan sepanjang masa terutama dalam aspek praktikum untuk melahirkan guru-guru berkemahiran tinggi demi memartabatkan pendidikan di Malaysia (KPM, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Untuk menjamin kualiti berterusan, pendidikan dan latihan keguruan diperuntukkan bagi guru pelatih yang telah mempelajari dan menguasai pembelajaran pedagogi secara teori dan amali. Dalam dua peringkat tersebut kualiti pengajaran guru pelatih dibangun dan diperkembangkan sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dalam kedudukan ini, amalan praktikum bagi seorang guru amat penting, ia merupakan komponen utama dan merupakan sebahagian daripada kurikulum (Kostasa, Galinia & Maria, 2014). Justeru dalam menjalankan tugas dan fungsinya, guru pelatih dituntut memiliki kompetensi pedagogi dan kompetensi profesional. Kedua-dua potensi ini perlu disepadukan dalam keperibadian guru pelatih secara mantap untuk diterjemahkan dalam bentuk amalan praktikum.

PENYATAAN MASALAH

Guru pelatih perlu memberi pertimbangan dan memberi perhatian terhadap banyak aspek dalam memastikan sesi latihan mengajar di sekolah memenuhi standard yang ditetapkan. Begitu juga dengan pensyarah pembimbing, perlu membimbing dan memberi latihan serta cadangan penambahbaikan serta menasihati guru pelatih untuk menjadi guru yang berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran pendidikan. Walau bagaimanapun, dalam konteks menjalankan amalan praktikum dalam kalangan guru pelatih di sekolah, tidak selamanya apa yang diharapkan oleh pihak pemegang taruh (*stake holder*) terhadap guru pelatih ini menjadi kenyataan sepenuhnya. Wujud beberapa cabaran dan kekangan yang terpaksa dihadapi oleh guru pelatih dalam mendepani hasrat PPPM melalui komponen latihan mengajar. Ini kerana amalan praktikum mempunyai skop yang sangat luas untuk dinilai sama ada dari sudut kompetensi guru pelatih, hubungan dengan penyelia, hubungan dengan guru pembimbing, hubungan dengan pelajar, hubungan dengan pentadbir IPG sendiri dan sekolah serta budaya sekolah secara keseluruhan. Oleh itu maka tidak hairan pelbagai masalah berkaitan praktikum akan sentiasa dihadapi oleh guru-guru pelatih dalam iklim praktikum yang dijalankan. Keadaan ini selalu mempengaruhi mereka dan kadang kala menjadikan seseorang guru pelatih tidak mempunyai kompetensi sepenuhnya dalam melaksanakan tugas-tugas mereka (Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir, 2007).

Fenomena ini sering berlaku kerana sebagai guru yang baru memasuki bidang perguruan secara profesional maka sudah tentu guru ini menghadapi masalah ketika melalui pengalaman mengajar di sekolah. Menurut laporan KPM (2006), banyak program pendidikan keguruan masa kini didapati tidak efektif dalam menambahbaik amalan latihan mengajar dan di Malaysia, isu ini dijangka akan berterusan (Syed Ismail, 2013).

Sebagai guru pelatih yang masih dalam tahap bimbingan, sudah tentu terdapat pelbagai isu yang melingkari kedudukan mereka semasa menjalani latihan keguruan khususnya ketika mereka menjalani praktikum. Antaranya adalah seperti tahap kesediaan dan pengetahuan pedagogi guru pelatih dikatakan kurang memuaskan (Abdul Razak & Ahmad Shukri, 2002), minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang sederhana (Baharin, 2006). Guru pelatih dalam melaksanakan aktiviti

semasa menjalani latihan mengajar sentiasa akan menghadapi kesukaran dalam melakukan pelbagai aktiviti di sekolah (Khairul Anwar, 2014).

Secara umum program latihan mengajar di IPG merangkumi komponen perancangan, pelaksanaan, amalan refleksi serta sikap dan sahsiah guru pelatih. Setiap guru pelatih perlu melengkapkan diri mereka dengan keempat-empat komponen tersebut. Bagi setiap orang guru pelatih tempoh latihan mengajar mereka ialah di antara empat hingga dua belas minggu mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan. Persoalan yang timbul ialah adakah guru pelatih benar-benar mampu menguasai keempat-empat komponen utama sebagaimana yang digariskan dalam Borang Bimbingan Praktikum (PR2) dan penilaian akhir (PR3) mengikut fasa-fasa praktikum yang dilalui oleh mereka. Isunya, adakah guru pelatih yang disediakan ini mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dan memenuhi keperluan untuk menjadi guru yang berkualiti sebagaimana yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia.

Oleh itu untuk melihat pencapaian kompetensi guru-guru pelatih, satu kajian tinjauan dibuat terhadap hasil pencapaian mereka dalam menjalani latihan mengajar di sekolah. Bagi memenuhi keperluan penyelidikan, tahap pencapaian guru pelatih dalam latihan mengajar diukur berdasarkan komponen-komponen yang terdapat dalam Borang PR2 iaitu Borang Bimbingan Praktikum yang digunakan di seluruh IPGK iaitu komponen perancangan, pelaksanaan, amalan refleksi serta sikap dan sahsiah dan penilaian akhir melalui borang PR3.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk memperoleh maklumat tentang tahap kompetensi guru pelatih yang menjalani latihan praktikum bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di sebuah Institut Pendidikan Guru. Kajian ini dijalankan dengan objektif kajian adalah untuk menganalisis tahap kompetensi guru pelatih terhadap amalan praktikum berdasarkan fasa-fasa praktikum.

SOROTAN KAJIAN

Transformasi pendidikan yang digagaskan oleh pihak kementerian telah mengubah struktur institusi pendidikan di Malaysia. Dalam melestarikan cabaran ini, IPG perlu mengubah paradigma dan peranannya dalam melahirkan guru yang berkualiti selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Maka, transformasi ini mengesa IPG melaksanakan perubahan dari segi kurikulum yang menekankan penggunaan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Hatta, Amalan Profesional merupakan platform yang menyediakan peluang kepada guru pelatih untuk mempraktikkan ilmu, kemahiran dan teori yang dibelajari dalam bilik darjah (IPGM, 2014). Amalan Profesional iaitu praktikum atau latihan mengajar di IPG telah menggariskan lima objektif utama iaitu pertama, untuk memupuk sikap positif dalaman melalui meningkatkan daya ketahanan, daya saing dan daya cipta kepada setiap pelajar serta mengamal nilai professional keguruan. Kedua, dapat merancang, mengurus, dan melaksanakan teori dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan semasa praktikum. Ketiga dapat menyesuaikan diri dengan budaya sekolah dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan perkembangan potensi sebagai guru. Keempat, membuat renungan dan penilaian sendiri dalam semua aspek tugas guru dan kelima, mengeratkan hubungan professional antara maktab dan sekolah dalam menyediakan guru permulaan yang berpotensi (IPGM, 2014). Kompetensi guru pelatih sangat penting kerana ia merupakan satu pakej pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan selari dengan tahap perkembangan latihan profesional pada tahap yang berbeza-beza. (Kaslow, 2004; Barkhuizen & Feryok, 2006). Maka, IPG menekankan praktikum dalam usaha meningkatkan kecekapan profesional bakal guru yang akan memenuhi pasaran kerja. Kecekapan itu sendiri merupakan unsur penting dalam pembangunan profesional guru, ia perlu dimiliki oleh setiap guru dan perlu diterjemahkan setiap hari melalui amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik

darjah untuk memberi manfaat terhadap pembelajaran dan perkembangan pelajar (Allison & Schultz, 2012).

Semasa menjalani latihan di sekolah, guru pelatih dibimbing untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi setiap fasa secara mendalam. Guru pelatih juga dibimbing menulis persediaan mengajar. Oleh itu guru perlu merancang persekitaran pembelajaran berfikir dengan memilih strategi pengajaran yang sesuai (Siew, Ahmad Zanzali & Noor Azlan, 2008). Menerusi amalan ini, secara tidak langsung guru pelatih mendapat pendedahan secara langsung tentang amalan profesionalisme keguruan. Ini menjadi fokus utama yang ditekankan dalam merancang pengajaran dan pembelajaran adalah terhadap bagaimana menghasilkan hasil pembelajaran, merancang isi pelajaran yang ditetapkan, strategi pengajaran dan pembelajaran, sumber pengajaran dan pembelajaran, nilai dan unsur kemahiran berfikir (IPGM, 2014).

Menurut Syed Ismail (2013), kebanyakan amalan praktikum yang dijalankan biasanya penilaian pensyarah terhadap aspek sikap dan sahsiah merupakan kualiti guru pelatih yang paling tinggi. Kajian yang dilakukan oleh beliau juga mendapati keputusan yang sama, begitu juga penilaian guru pembimbing. Secara keseluruhan, menurut penilaian pensyarah dan guru pembimbing, aspek sikap dan sahsiah merupakan kualiti guru pelatih yang paling tinggi berbanding dengan tiga aspek yang lain (amalan merancang, mengelola dan membuat refleksi). Berdasarkan borang PR2, dalam menilai sikap dan sahsiah terdapat 4 aspek yang dilihat ke atas guru pelatih iaitu tahap penampilan diri, keperihatinan, pekerti dan sifat profesionalisme keguruan.

METODOLOGI

Bahagian ini menerangkan aspek berikut.

Reka bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk analisis dokumen untuk memperoleh maklumat dan mencapai objektif kajian. Analisis dokumen merupakan salah satu teknik penyelidikan terutama dalam bidang komunikasi media massa atau berkaitan dengan sesuatu teks bertulis tertentu.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada guru pelatih Institut Pendidikan Guru yang menjalani latihan mengajar. Persampelan kajian adalah terdiri daripada data-data praktikum pelajar-pelajar IPG yang telah berjaya menghabiskan tugas praktikum mereka selama tiga fasa. Seramai 274 data praktikum pelajar PISMP diambil Januari 2009 terlibat dengan kajian ini.

Instrumen Kajian

Kajian ini bergantung sepenuhnya terhadap Borang PR2 yang digunakan oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing semasa menjalankan bimbingan dan penyeliaan dan penyeliaan dalam Praktikum Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 praktikum sebagai data kajian. Terdapat empat komponen yang menjadi fokus bimbingan iaitu komponen perancangan, pelaksanaan, amalan refleksi serta sikap dan sahsiah. Bagi setiap aspek, disediakan tahap untuk mengenal pasti peringkat prestasi kecekapan pelajar. Borang PR2 akan digunakan sebagai bahan rujukan untuk membuat penilaian dan rumusan bersama pensyarah penyelia dan guru pembimbing pada setiap sesi akhir Fasa Praktikum. Satu salinan Borang PR2 yang telah lengkap diisi perlu diberikan kepada pelajar selepas setiap bimbingan bertujuan memberi maklum balas dan dimasukkan dalam portfolio.

Prosedur kajian

Penyelidik menggunakan pendekatan analisis dokumen berdasarkan borang bimbingan praktikum (PR2) dan (PR3). Data-data bimbingan praktikum setiap pelajar mulai diambil Januari 2011 hingga Januari 2016 dikenal pasti. Borang Bimbingan Praktikum digunakan bagi mendapatkan data kajian dan data tersebut diproses dengan menggunakan skala tahap pencapaian. Data-data diperolehi daripada Unit Praktikum IPG melalui kebenaran bertulis daripada pihak pentadbir dan Ketua Unit Praktikum IPG. Sumber data diperolehi daripada bilik sumber Unit Praktikum yang melibatkan 14 opsyen, data-data ini dikumpul dan dianalisis secara kronologi mengikut urutan nama dan fasa praktikum.

Analisis Data


Dengan menggunakan kaedah pengumpulan data kuantitatif, data tersebut dianalisis mengikut peringkat-peringkat praktikum mereka bermula praktikum fasa 1, 2 dan 3 dengan tujuan untuk melihat peningkatan kompetensi. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences version 20.0 for Windows* bagi mendapatkan kekerapan (frekuensi) dan peratusan (%).

DAPATAN KAJIAN

Bagi menjelaskan objektif kajian iaitu untuk menganalisis tahap kompetensi guru pelatih terhadap amalan pratikum berdasarkan fasa-fasa praktikum mengikut opsyen, bahagian ini melaporkan dapatan kajian berdasarkan penganalisaan data menerusi kekerapan min dan peratus pencapaian gred dalam fasa-fasa praktikum mengikut opsyen.

Tahap kompetensi guru pelatih terhadap amalan pratikum berdasarkan fasa-fasa praktikum mengikut opsyen.


Analisis dapatan data tentang tahap kompetensi guru pelatih terhadap amalan pratikum berdasarkan fasa-fasa praktikum dipersembahkan mengikut opsyen kursus seperti berikut:



Rajah 1. Tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Bahasa Melayu (JMPSS1)


Tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Bahasa Melayu (BMMPJMPSS(1) dalam menjalankan amalan praktikum dapat lihat melalui rajah 1 di atas. Seramai 20 orang guru pelatih telah melalui tiga tahap praktikum. Pada Fasa 1, seramai 2 orang pelajar (10%) telah memperolehi skor minimum iaitu B+. Selanjutnya seramai 6 orang guru pelatih (35%) telah mendapat skor A-, bilangan tertinggi yang

dicapai adalah 12 orang (55%) yang memperoleh skor A. Pada Fasa 2 pula, sebanyak 1 orang (5%) memperoleh skor B+, dalam jumlah yang sama dengan Fasa 1 iaitu seramai 6 orang (35%) telah memperoleh skor A-. Selebihnya seramai 13 orang (60%) mendapat skor A. Pada Fasa 3 pula keputusan menunjukkan terdapat 1 orang (5%) memperoleh skor A-, 14 orang (70%) mendapat skor A dan 5 orang guru pelatih (25%) mendapat skor A+.



Rajah 2. Tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Bahasa Melayu (JMPSS2)


Rajah 2 di atas pula menunjukkan tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Bahasa Melayu (BMMPJMPSS(2) dalam menjalankan amalan praktikum. Keputusan yang diperolehi melalui 20 orang guru pelatih yang telah melalui tiga tahap praktikum menunjukkan peningkatan yang baik. Pada Fasa 1, seramai 5 orang guru pelatih (25%) telah memperoleh skor B+. Selanjutnya seramai 5 orang guru pelatih juga (25%) telah mendapat skor A-, manakala selebihnya seramai 10 orang (50%) telah memperoleh skor A. Pada Fasa 2 pula, seramai 1 orang (5%) memperoleh skor B+, seramai 3 orang (15%) telah memperoleh skor A-dan selebihnya seramai 16 orang (80%) mendapat skor A. Pada Fasa 3, terdapat 3 orang (15%) memperoleh skor A- dan seramai 17 orang (80%) mendapat skor A.



Rajah 3. Tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Bahasa Melayu (PSV)


Rajah 3 di atas menunjukkan skor pencapaian kompetensi guru pelatih bagi opsyen Bahasa Melayu PSV dalam menjalankan amalan praktikum. Berdasarkan jadual tersebut analisis di buat terhadap 21 orang guru pelatih yang telah melalui tiga tahap praktikum. Fasa 1 hanya menunjukkan 1 orang sahaja pelajar (4.8%) telah memperoleh skor minimum iaitu B+ sedangkan pelajar yang mendapat skor A- berjumlah 6 orang (28.6%). Pada Fasa 1 ini juga terdapat 14 orang guru pelatih (66.7%) telah

mendapat skor A. Pada Fasa 2 pula, seramai 1 orang (4.8%) masih mengekalkan pencapaian minimum B+, 2 orang mendapat A- (9.5%) dan selebihnya 18 orang (85.7%) memperoleh skor A. Pada Fasa 3 pula terdapat 16 orang (76.2%) mendapat skor A dan 5 orang memperoleh skor A+ (23.8%).




Rajah 4. Tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Matematik 1 (MTE1)

Berdasarkan rajah 4 di atas pula keputusan tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Matematik 1 dalam menjalankan amalan praktikum Fasa 1 menunjukkan terdapat 1 orang guru pelatih (4.8%) mendapat keputusan B+ daripada jumlah keseluruhan 21 orang. Seramai 6 orang guru pelatih (28.6%) mendapat markah A-, seramai 8 orang guru pelatih mendapat markah A (38.1) dan selebihnya terdapat 6 orang guru pelatih (28.6%) mendapat markah A+. Pada Fasa 2 pula terdapat 1 orang mendapat markah A- (4.8%) sedangkan yang lainnya mendapat markah A, iaitu seramai 20 orang (95.2%). Seterusnya pada Fasa 3, terdapat 7 orang (33.3%) mendapat markah A dan selebihnya seramai 14 orang (66.7%) mendapat skor A+.




Rajah 5. Tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Matematik 2 (MTE2)

Tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Matematik 2 (MTE2) dalam menjalankan amalan praktikum dapat dilihat melalui rajah 5 di atas. Seramai 20 orang guru pelatih telah melalui tiga tahap praktikum. Pada Fasa 1, seramai 3 orang guru pelatih (15%) telah memperoleh skor B+. Selanjutnya seramai 5 orang guru pelatih (30%) telah mendapat skor A-, bilangan yang mendapat markah A pula seramai 12 orang (55%). Pada Fasa 2 pula, seramai 3 orang (15%) memperoleh skor A-, seramai 16 orang (80%) mendapat markah A dan selebihnya terdapat 1 orang (5%) mendapat markah A+. Pada Fasa 3 terdapat 1 orang (5%) memperoleh skor A-, 14 orang (70%) mendapat skor A dan 5 orang guru pelatih (25%) mendapat skor A+.




Rajah 6. Tahap kompetensi guru pelatih Pendidikan Islam 1(PIM1)

Seterusnya bagi tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Pendidikan Islam 1(PIM1) dalam menjalankan amalan praktikum dapat lihat melalui rajah 6 di atas. Seramai 18 orang guru pelatih telah melalui tiga tahap praktikum. Pada Fasa 1, seramai 2 orang guru pelatih (11.1%) telah memperolehi skor A-. Selanjutnya seramai 13 orang guru pelatih (72.2%) telah mendapat skor A, bilangan yang mendapat markah A+ pula seramai 3 orang (16.7%). Manakala bagi Fasa 2 pula, seramai 1 orang (5.6%) memperolehi skor B, seramai 1 orang (5.6%) mendapat markah B+, bagi markah A-, pula terdapat 2 orang (11.1%) dan seterusnya seramai 14 atau (77.8) mendapat gred A. Bagi Fasa 3 pula, seramai 1 orang (5.6%) memperolehi skor B, seramai 2 orang (11.1%) mendapat markah A-, bagi A, pula terdapat 5 orang (27.8%) dan seterusnya seramai 14 mendapat markah A+ atau (55.6%).




Rajah 7. Tahap kompetensi guru pelatih Pendidikan Islam 1(PIM2)

Keputusan kompetensi guru pelatih Opsyen Pendidikan Islam 1(PIM2) dalam menjalankan amalan praktikum dapat lihat melalui rajah 7 di atas. Seramai 19 orang guru pelatih telah melalui tiga tahap praktikum. Pada Fasa 1, terdapat 3 orang guru pelatih (15.8%) telah memperolehi markah B+. Terdapat seramai 3 orang guru pelatih juga (15.8%) telah mendapat skor A-, bilangan mereka yang mendapat markah A pula ialah seramai 11 orang (57.9%) dan seterusnya seramai 2 orang pelajar (10.5%) mendapat markah A+. Manakala bagi Fasa 2 pula, seramai 6 orang (31.6%) memperolehi skor A-, dan seramai 13 orang (68.4%) mendapat skor markah A. Bagi Fasa 3 pula, seramai 1 orang (5.6%) memperolehi skor A-, seramai 11 orang (57.9%) mendapat markah A dan seterusnya seramai 7 orang guru pelatih (36.8%) mendapat skor markah A+.



Rajah 8. Tahap kompetensi guru pelatih opsyen PKB


Keputusan terhadap tahap kompetensi guru pelatih Opsyen Pendidikan Khas (PKB) dalam menjalankan amalan praktikum dapat lihat melalui rajah 8 di atas. Seramai 20 orang guru pelatih telah melalui tiga tahap praktikum. Pada Fasa 1, seramai 3 orang guru pelatih (15%) telah memperolehi skor B+. Selanjutnya seramai 7 orang guru pelatih (35%) telah mendapat skor A-, begitu juga dengan jumlah bilangan yang mendapat markah A, juga seramai 7 orang (35%) dan seterusnya dalam fasa ini juga seramai 3 orang pelajar (15%) mendapat markah A+. Manakala bagi Fasa 2 pula, seramai 4 orang (20%) memperolehi skor A-, dan seramai 15 orang (75%) mendapat skor markah A. Hanya 1 orang atau (5%) sahaja yang mendapat skor markah A+. Bagi Fasa 3 pula, seramai 1 orang (5%) memperolehi skor A-, seramai 14 orang (70%) mendapat markah A dan seterusnya seramai 5 orang guru pelatih (25%) mendapat markah A+.



Rajah 9. Tahap kompetensi guru pelatih opsyen Pendidikan Muzik (PMU)


Rajah 9 di atas pula menunjukkan tahap kompetensi guru pelatih bagi Opsyen Pendidikan Pemulihan (PMU) dalam menjalankan amalan praktikum. Seramai 22 orang guru pelatih telah melalui tiga tahap praktikum. Pada Fasa 1, data menunjukkan terdapat seramai 3 daripada mereka (13.6%) telah memperolehi markah B+. Terdapat seramai 2 orang guru pelatih (9.1%) telah mendapat markah A-, bilangan yang mendapat markah A pula seramai 13 orang (59.1%) dan seterusnya seramai 2 orang

pelajar (18.2%) mendapat markah A+. Dalam praktikum Fasa 2 pula, seramai 2 orang (9.1%) memperoleh markah A-, dan seramai 18 orang (81.8%) mendapat markah A. Hanya 1 orang atau (9.1%) sahaja yang mendapat skor markah A+. Bagi Fasa 3 pula, seramai 1 orang (4.5%) memperoleh markah B+, seramai 3 orang (13.6%) mendapat markah A- dan seterusnya terdapat 13 orang guru pelatih (59.1%) mendapat markah A. Pada fasa 3 ini juga mereka yang mempunyai markah A+ adalah seramai 5 orang (22.7%).




Rajah 10. Tahap kompetensi guru pelatih opsyen Bahasa Inggeris 1 (TESL1)

Bagi menilai tahap kompetensi guru pelatih opsyen Pendidikan TESL (TESL1), rajah 10 di atas menjelaskan tahap kompetensi tersebut. Seramai 18 orang guru pelatih telah melalui tiga tahap praktikum. Pada Fasa 1, seramai 2 orang guru pelatih (11.1%) telah memperoleh markah C+. Selanjutnya seramai 3 orang guru pelatih (16.7%) telah mendapat skor B, bilangan yang mendapat markah B+ pula seramai 5 orang (27.8%) dan seterusnya seramai 3 orang guru pelatih (16.7%) mendapat markah A-. Seterusnya seramai 5 orang guru pelatih (27.8) mendapat skor markah A. Manakala bagi Fasa 2 pula, seramai 1 orang (5.6%) memperoleh skor B, dan seramai 6 orang (33.3%) mendapat skor markah B+, seterusnya seramai 5 orang guru pelatih (27.8%) mendapat skor markah A-, manakala 6 orang guru pelatih (33.3%) mendapat markah A. Dapatan penyelidikan bagi Fasa 3 pula menunjukkan seramai 1 orang (5.6%) memperoleh skor B+, seramai 5 orang (27.8%) mendapat markah A- dan seterusnya seramai 7 orang pelajar (38.9%) mendapat markah A., manakala guru pelatih yang mendapat A+ pula adalah seramai 5 orang (27.8%).



Rajah 11. Tahap kompetensi guru pelatih opsyen Bahasa Inggeris 2 (TESL2)


Tahap kompetensi guru pelatih Opsyen TESL2 dalam menjalankan amalan praktikum pula dapat dilihat melalui rajah 11 di atas. Seramai 16 orang guru pelatih juga telah melalui tiga Fasa praktikum. Pada Fasa 1, seramai 4 orang guru pelatih (25%) telah memperolehi keputusan B. Selanjutnya seramai 3 orang guru pelatih (18.8%) pula telah mendapat markah B+. Melalui fasa ini juga terdapat 1 orang (6.3%) telah memperolehi keputusan A- dan bilangan tertinggi yang dicapai pada Fasa ini ialah keputusan A iaitu seramai 8 orang (50%). Pada Fasa 2 pula, seramai 2 orang (12.5%) memperolehi skor B, dan dalam jumlah yang sama iaitu seramai 2 orang (12.5%) juga telah memperolehi skor B+, begitu juga dengan markah A-, juga terdapat seramai 2 orang (12.5%) turut mendapat markah yang sama. Selanjutnya terdapat 9 orang guru pelatih (56.3%) mendapat markah A dan seorang sahaja dalam kalangan mereka mendapat markah A+. Pada Fasa 3 pula, terdapat 2 orang guru pelatih (12.5%) memperolehi skor B+, seramai 4 orang (25%) mendapat skor A-, terdapat 9 orang guru pelatih (56.3%) mendapat skor A dan seterusnya terdapat seorang guru pelatih mendapat markah A+.



Rajah 12. Tahap kompetensi guru pelatih opsyen Bahasa Inggeris 3 (TESL3)


Seramai 15 orang guru pelatih telah menghabiskan praktikum selama 3 Fasa. Tahap kompetensi guru pelatih ini dapat dilihat melalui rajah 12 di atas. Keputusan Fasa 1 menunjukkan terdapat 2 orang guru pelatih memperolehi markah B (13.3%) dalam amalan praktikum mereka. Seorang memperoleh markah B+ (6.7%), terdapat seramai 4 orang memperoleh markah A- (26.7%) dan selebihnya terdapat

8 orang memperoleh markah A (53.3%). Fasa 2 praktikum pula menunjukkan terdapat seramai 4 orang (26.7%) memperoleh markah B+, 5 orang (33.3%) mendapat markah A-, 3 orang (20%) mendapat markah A dan 3 orang guru pelatih mendapat markah A+ (20%). Keputusan pada Fasa 3 bagi guru pelatih opsyen TESL3 menunjukkan terdapat 2 orang dalam kalangan mereka memperoleh markah B+ (13.3%), 2 orang mendapat markah A- (13.3%), 6 orang mendapat markah A (40%) dan seterusnya terdapat 5 orang guru pelatih memperoleh markah A+ (33.3%).



Rajah 13. Tahap kompetensi guru pelatih opsyen Bahasa Inggeris 4 (TESL4)

Melalui rajah 13 di atas, seramai 17 orang guru pelatih opsyen TESL 4 telah berjaya menghabiskan kursus tersebut selama 3 Fasa. Keputusan terhadap kompetensi guru pelatih Opsyen TESL4 Fasa 1 menunjukkan terdapat hanya seorang guru pelatih (5.9%) mendapat markah B- dan markah B. Manakala yang lain, terdapat 3 orang mendapat markah B+ (17.6%), 2 orang mendapat markah A- (11.8%) dan 10 orang guru pelatih mendapat markah A (57.6%). Melalui Praktikum Fasa dua pula dapatan menunjukkan terdapat seorang guru pelatih memperoleh markah B- (5.9%), 4 orang mendapat keputusan B+ (23.5%), 3 orang mendapat keputusan A- (17.6%), 8 orang mendapat markah A (47.1%) dan terdapat seorang sahaja yang mendapat markah A+ (5.9%). Melalui Praktikum Fasa 3 pula keputusan menunjukkan terdapat seorang di antara mereka memperoleh markah B (5.9%), 2 orang memperoleh markah B+ (11.8%), 3 mendapat markah A- (17.6%), 10 orang mendapat markah A (58.8%) dan terdapat seorang guru pelatih mendapat markah A+ (5.9%).



Rajah 14. Tahap kompetensi guru pelatih opsyen Bahasa Inggeris (TESL5)

Rajah 14 di atas menunjukkan tahap kompetensi guru pelatih Opsyen TESL5, melalui 19 orang guru pelatih yang menghabiskan praktikum sebanyak 3 Fasa, dapatan menunjukkan terdapat seorang guru pelatih (5.3%) telah memperolehi markah C dalam amalan praktikum Fasa 1, 3 orang guru pelatih (15.8%) memperolehi markah B, seramai 7 orang (36.8%) mendapat markah B+, 6 orang (31.6%) mendapat markah A- dan terdapat 2 guru pelatih (10.5%) mendapat markah A. Pada Fasa 2 pula dapatan menunjukkan seramai 3 orang guru pelatih (15.8%) telah memperolehi markah B-. Selanjutnya seramai 3 orang guru pelatih (15.8%) telah mendapat skor B+, 3 orang guru pelatih (15.8%) juga mendapat A- dan 9 orang guru pelatih (47.4%) mendapat nilai A. Bilangan tertinggi yang dicapai iaitu A+ hanya 1 orang sahaja (5.3%). Fasa 3 pula menunjukkan seramai 2 orang (10.5%) memperolehi markah B+, 3 orang mendapat markah A- (15.8%), 11 orang mendapat keputusan A (57.9%) dan 3 orang guru pelatih mendapat markah A+ (15.8%).

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati kompetensi guru pelatihambilan Januari 2011/ 2016 pada asasnya adalah berada pada tahap baik dan cemerlang. Rata-rata data menunjukkan semua guru pelatih mendapat markah di antara C pada fasa 1 dan meningkat ke arah nilai A pada fasa akhir praktikum. Bagaimanapun, terdapat beberapa opsyen yang tidak menunjukkan peningkatan kompetensi mereka semasa latihan mengajar secara konsisten. Bagi kursus opsyen Matematik 1, data menunjukkan terdapat sedikit pencapaian yang tidak konsisten di antara fasa 1 dan 2. Begitu juga dengan opsyen matematik 2, walaupun rata-rata pemarkahan guru pelatih adalah konsisten di antara fasa 1,2 dan 3. Bagaimanapun pada fasa 3 masih terdapat guru pelatih yang mendapat keputusan B+ sedangkan keputusan tersebut tidak ada pada fasa 2. Analisis menunjukkan bahawa guru masih kurang menguasai komponen pelaksanaan walaupun dalam aspek perancangan memperoleh pencapaian yang baik. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa aspek kecekapan dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mempunyai perkaitan secara langsung hasil daripada pengalaman guru pelatih semasa mengikuti sesi *micro teaching* di dalam bilik darjah serta keupayaan mereka melakukan anjakan paradigma profesionalisme. Dapatan ini memperjelaskan konsep kecekapan yang disarankan oleh Myers, (1992) dan Khairul Anwar Abu Bakar (2014) yang menyatakan bahawa peningkatan kecekapan kognitif dan afektif boleh diperoleh secara langsung melalui pengalaman pengajaran dalam bilik darjah.

Bagi opsyen PIM1 dan PIM2, data menunjukkan terdapat sedikit perubahan yang tidak konsisten dalam tahap kompetensi guru pelatih bagi fasa 1, fasa 2 dan fasa 3. Analisis menunjukkan berlaku

penurunan markah di antara fasa 1 dan fasa 2. Analisis dokumen juga mendapati aspek kecekapan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menjadi punca kepada penurunan markah guru pelatih. Guru pelatih didapati kurang kemahiran untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari ke dalam kelas sebenar. Kostas, Galini dan Maria (2014) menekankan bahawa kecekapan guru pelatih untuk mengintergrasikan ilmu yang diperoleh dari pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki adalah aspek penting dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Maka, pensyarah pembimbing memainkan peranan penting untuk membimbing dan membantu guru pelatih memperoleh pengalaman sebanyak mungkin semasa latihan mengajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan tahap kompetensi guru pelatih bagi Opsyen Pendidikan Pemulihan (PMU) dalam menjalankan amalan praktikum walaupun secara keseluruhan dalam keadaan baik namun tahap pencapaian cemerlang dari fasa 1 ke fasa 2 dan fasa 3 menurun. Analisis dokumen mendapati kecekapan dalam aspek perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru pelatih Opsyen Pendidikan Pemulihan (PMU) berada pada tahap lemah. Analisis dokumen menunjukkan guru pelatih lemah dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan berdasarkan amalan menyatakan refleksi kritis. Dapatan ini menunjukkan bahawa, pensyarah pembimbing perlu melaksanakan bimbingan secara berterusan dalam aspek tindakan selpeas pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan guru pelatih mempunyai kemahiran yang tinggi untuk bertindak membuat keputusan berdasarkan refleksi pembelajaran yang lepas. Ini bersesuaian dengan saranan Syed Ismail, (2013) bahawa dalam meningkatkan kualiti guru pelatih IPG, kemahiran membuat refleksi selpeas pengajaran dan pembelajaran perlu diberi penekanan.

Berdasarkan analisis, dapatan kajian ini turut memberi nilai tambah kepada dapatan kajian lepas, namun secara keseluruhan kajian ini lebih menyokong beberapa dapatan kajian sebelum ini. Secara keseluruhannya, tahap kompetensi guru pelatih bagi semua opsyen menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam aspek sikap dan sahsiah. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Syed Ismail (2013) terhadap Amalan Bimbingan Pengajaran Pensyarah dan Guru Pembimbing Dalam Program Mentoring Praktikum Serta Impaknya Terhadap Kualiti Guru Pelatih melibatkan aspek perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, amalan refleksi, sikap dan sahsiah, nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Kajian menunjukkan kualiti guru pelatih yang paling tinggi adalah dalam aspek sikap dan sahsiah ($\text{min} = 4.49, \text{s.p.} = .21$).

Berdasarkan perbincangan dapatan analisis dokumen turut mendapati bahawa kecekapan guru pelatih dalam aspek penulisan refleksi adalah baik, walaupun tindakan untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran bagi beberapa opsyen ditahap lemah. Namun, secara keseluruhan dapatan kajian ini juga turut menyokong kajian Abdul Hakim, Mustafa, Rahimah dan Ilni Suhada (2014) yang mengkaji Pengembangan sikap positif dan kemahiran profesional serta permasalahan semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih Ijazah Sarjana Muda. Aspek pengalaman praktikum guru pelatih iaitu pembangunan sikap, peningkatan kemahiran profesional serta permasalahan yang dihadapi menunjukkan guru pelatih berjaya meningkatkan sifat positif dan kemahiran profesional keguruan mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa guru pelatih telah mendapat bimbingan yang baik semasa mereka menjalankan praktikum. Melalui analisis dokumen, markah praktikum yang diperolehi menunjukkan tahap kompetensi guru pelatih adalah konsisten mengikut fasa praktikum yang mereka ikuti. Penilaian yang dilakukan berdasarkan komponen perancangan, pelaksanaan, amalan refleksi serta sikap dan sahsiah guru pelatih yang dirangkum melalui borang penilaian PR2 dan PR3 adalah bertepatan dengan kehendak amalan praktikum sebagaimana yang digariskan. Berdasarkan analisis,

terdapat beberapa orang guru pelatih yang menunjukkan markah yang agak tidak ketara dari sudut pencapaian mereka. Sepatutnya berlaku peningkatan markah melalui proses bimbingan secara bertahap, namun begitu pelajar-pelajar ini tidak konsisten dalam pencapaian mereka. Di antaranya termasuk daripada opsyen MT1, MT2, PIM1, PIM 2 dan opsyen PMU. Walaupun analisis sederhana ini menunjukkan terdapat sedikit masalah konsistensi terhadap arus naik turun pencapaian di antara fasa-fasa tersebut namun dalam situasi ini ia masih berada dalam bentuk pencapaian yang baik dan munasabah dari sudut pencapaian dan kualiti mereka secara keseluruhan. Implikasi daripada kajian ini, mencadangkan supaya pensyarah pembimbing memberi perhatian yang lebih terhadap aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran semasa guru pelatih melaksanakan praktikum. Dapatan menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai kompetensi yang lemah dalam aspek ini sehingga menjejaskan pencapaiannya dalam praktikum.

Selain itu, dapatan juga menyarankan aspek amalan refleksi perlu diberi penekanan kepada semua guru pelatih. Ini kerana refleksi dilihat satu keupayaan guru pelatih untuk membuat keputusan, apabila mereka diberi peluang untuk merenung semula aspek kekuatan dan kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka maka sudah tentu hasilnya adalah lebih baik. Selain itu, guru pelatih juga dapat meningkatkan kepuasan mereka melalui amalan praktikum (Deeney, & Dozier, 2015). Amalan ini sangat berfaedah kerana ia turut memberi ruang terhadap guru pelatih memberi maklum balas segera secara lisan dan dalam bentuk bertulis. Amalan reflektif perlu diintegrasikan dalam latihan mengajar untuk memberi peluang kepada mereka melakukan muhasabah untuk melakukan tindakan dalam tindakan (Deeney, & Dozier, 2015). Kebolehan membuat refleksi sendiri dan menyedari kelemahan diri membolehkan guru pelatih melakukan penambahbaikan diri secara berterusan (Esah, 2004; Nur Hafizoh & Rohanah, 2012).). Dalam konteks guru pelatih IPG, terdapat tiga komponen utama yang dinilai melalui amalan refleksi tersebut iaitu penulisan reflektif, pernyataan refleksi dan menulis jurnal. Berdasarkan dapatan kajian, adalah dicadangkan pensyarah pembimbing perlu lebih menumpukan perhatian kepada aspek amalan refleksi bagi memastikan guru pelatih memahami kepentingan refleksi dalam pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2015). Keupayaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Semasa Latihan Mengajar Dalam Pembentukan Guru Novis, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(1)(2015): 75-81.
- Abdul Razak Abd Manaf & Ahmad Shukri Abdul Hamid. 2002. Tinjauan Terhadap Permasalahan dan Penilaian ke Atas Komponen Latihan Praktikum 1 Program Pengurusan Kerja Sosial. *Laporan Penyelidikan*. Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah, Abdul Hakim, Mustafa Che Omar, Rahimah Embong, Norsuhaily Abu Bakar, and Ilni Suhada Ismail. (2014). Persepsi Terhadap Pengalaman Praktikum Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Al-Syaibani, Omar Muhammad Al Toumy. (1991). *Philosophical of Islamic Education*. Shah Alam: Hizbi.
- Baharin Abu. (2006). *Tahap Kesediaan Pedagogi Guru Pelatih Fakulti Pendidikan, UTM dalam Latihan Mengajar*. Kertas kerja dibentang dalam Kolokium Fakulti Pendidikan, UTM, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.

- Barkhuizen, G., & Feryok, A. (2006). Pre-service teachers' perceptions of a short-term international experience programme. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 34(1), 115-134.
- Brookfield, S. (1998). Critically reflective practice. *Journal of Continuing Education in the Health Professions*, 18(4), 197-205.
- Nor Aishah Buang & Yap, P. M. (2012). Kesiediaan guru-guru perdagangan di wilayah persekutuan dari aspek pengetahuan kaedah pengajaran dan sikap terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. *Jurnal Teknologi*, 37(1), 1-16.
- Deeney, T., & Dozier, C. (2015). Constructing Successful Video Reflection Experiences in Practicum Settings. In *Video Reflection in Literacy Teacher Education and Development: Lessons from Research and Practice* (pp. 41-57). Emerald Group Publishing Limited.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*, Publisher: Penerbit UTM Press.
- Hanipah Hussin. (2013). *Integrasi Amalan Refleksi Dalam Pendidikan Islam*. In: Aceh Negoro-Integrasi Amalan Refleksi Dalam Pendidikan Berbasis Islam, 13/03/2013, UteM.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia, (2014). *Buku Panduan Praktikum*. Penerbit: IPGM
- Kaslow, N. J. (2004). Competencies in professional psychology. *American Psychologist*, 59(8), 774.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Standard kualiti pendidikan Malaysia-Sekolah: Pernyataan standard*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khairul Anwar Abu Bakar. (2014). Tahap kesiediaan guru pelatih Institut Pendidikan Guru dalam latihan mengajar, *Tesis Sarjana*, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Khong, L.K., Nor Idayu Mahat, Shahizan Hassan, Abdul Razak Chik, and Mohd Azlan Yahya. (2010). Penilaian Terhadap Prestasi Pelajar dan Pengurusan Program Praktikum Universiti Utara Malaysia. *MJLI VOL. 7 (2010)* 134-164
- Kostas, K., Galini, R., & Maria, M. (2014). The Practicum in Pre-Service Teachers' Education in Greece: The Case of Lesson Study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 152, 808-812.
- Siew L.S., Ahmad Zanzali and Noor Azlan. (2008). Amalan Dan Masalah Pelaksanaan Strategi Inkuiri-penemuan Dalam Pengajaran Sains Di Kalangan Guru Pelatih Utm Semasa Latihan Mengajar Di Negeri Johor, *Doctoral dissertation*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Maynes, N., Allison, J., & Julien-Schultz, L. (2012). International practica experiences as events of influence in a teacher candidates' development. *McGill Journal of Education/Revue des sciences de l'éducation de McGill*, 47(1), 69-91.
- Mohd Adri Che Noh. (2004). Amalan pengajaran tilawah al-Quran: satu tinjauan terhadap persepsi guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 57-72.

- Myers, J. (2012). Lesson study as a means for facilitating preservice teacher reflectivity. *International Journal for the Scholarship of Teaching and Learning*, 6(1), 15.
- Nor Aishah Buang, & Yap, P. M. (2012). Kesiediaan guru-guru perdagangan di wilayah persekutuan dari aspek pengetahuan kaedah pengajaran dan sikap terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. *Jurnal Teknologi*, 37(1), 1-16.
- Nur Hafizoh Idris & Rohanah Hamzah. (2012). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, 60(1), 31-37.
- Ryan, K. & J. M. Cooper. 1998. *Those who can, teach*. Ed. Ke-8. New Jersey: Houghton Mifflin Company.
- Shahabuddin bin Hashim, Rohizani binti Yaakub, Mohd Zohir bin Ahmad. (2007). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. PTS Professional.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1983). *Ilmu Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinmann Asia.
- Syed Ismail Syed Mustapa. (2013). Amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(1), 71-78.
- Wiseman, D. L., Cooner, D. D. & Knight, S. L. (1999). *Becoming a teacher in a field based setting an introduction to education and classroom*. Amerika: Wadsworth Publishing Company